



Muhammad Hasifullah aktif menyertai aktiviti luar.

Oleh Khairunnisa Kamarudin
nisa.kamarudin@bh.com.my

↳ Serdang

MPP

perlu banyak berinteraksi

Hatinya berbelah-bahagi saat ditawarkan jawatan dalam Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) Universiti Putra Malaysia (UPM) kerana bimbang tidak mampu memikul amanah itu sebaik mungkin.

Namun, dorongan dan kata-kata semangat rakan membuatkan Muhammad Hasifullah Ibrahim membulatkan tekad untuk memegang jawatan sebagai Timbalan Naib Yang Dipertua Pembangunan Sahsiah Pelajar MPP UPM.

"Saya akui pada awalnya agak serba salah untuk menerima jawatan itu kerana bimbang tidak mampu membahagikan masa dengan baik antara akademik dan tanggungjawab dalam MPP.

"Selepas dinasihati rakan, saya akhirnya bersetuju untuk menerima jawatan itu dan yakin bahawa banyak pengetahuan dan pengalaman baharu dapat diraih menerusi pembabitian dalam MPP," katanya.

Memegang portfolio Pembangunan Sahsiah Pelajar, Muhammad Hasifullah bertanggungjawab memantau Unit Kerohanian, Kebudayaan dan Sukan selain membantu merangka program bersesuaian pada peringkat kolej dan universiti.

diploma di Universiti Teknologi MARA (UiTM) sebelum ini banyak membantunya melaksanakan perancangan dan strategi dalam memastikan kelancaran program.

"Sebagai MPP, kita perlu banyak berinteraksi dengan pelbagai pihak termasuk pengurusan universiti, ahli MPP serta pelajar.

"Setiap maklumat perlu disampaikan dengan berkesan, begitu juga ketika menerima sebarang aduan atau kemusykilan yang memerlukan langkah penyelesaian diambil dan ditangani dengan segera," katanya.

Beliau berkata, pengalaman sebagai ahli MPP dijadikan landasan untuk mengembangkan potensi diri khususnya dari aspek kepemimpinan selain kebijaksanaan dalam membahagikan masa dengan berkesan.

Katanya, pengorbanan dan kesungguhannya dalam melaksanakan tugas sebagai MPP berbalas apabila dipilih sebagai penerima Anugerah Pemimpin Harapan pada Majlis Siswa Gemilang UPM.

PROFIL

Muhammad Hasifullah Ibrahim

Umur: 23 tahun
Tarikh lahir: 29 Jun 1992

Pendidikan: Bachelor Pengurusan Alam Sekitar, UPM

Pencapaian:
● Timbalan Naib Yang Dipertua Pembangunan Sahsiah Pelajar UPM
● Pengarah Festival Alam Sekitar

Laksana perancangan
Katanya, pengalaman sebagai ahli MPP ketika mengikuti pengajian



Kecemerlangan Muhammad Hasifullah sebagai ahli MPP turut diiktiraf universiti.